

TOLERANSI BERAGAMA DALAM MASYARAKAT MAJMUK: SATU PENELITIAN DARI PERSPEKTIF SYARAK DAN ARTIKEL 11 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

RELIGIOUS TOLERANCE IN A PLURAL SOCIETY: A STUDY FROM THE PERSPECTIVE OF SYARAK AND ARTICLE 11 OF THE FEDERAL CONSTITUTION OF MALAYSIA

Mohd Khairul Anuar Ismail¹
Nurul Izzah Noor Zainan²
Nurul Hidayah Awang @ Ab. Rahman³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: anuar785@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: nurulizzah@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: Nurul659@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-9-2023
Revised date : 25-9-2023
Accepted date : 29-10-2023
Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Ismail, M. K. I., Noor Zainan, N. I., & Ab. Rahman, N. H. (2023). Toleransi Beragama Dalam Masyarakat Majmuk: Satu Penelitian Dari Perspektif Syarak Dan Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Journal of islamic, social, economics and Development (JISED)*, 8 (58), 233 – 242.

Abstrak: Islam menjunjung tinggi nilai toleransi dan perpaduan sesama umat manusia. Keharmonian hidup beragama hanya dapat diwujudkan apabila adanya toleransi dari semua pihak. Perbezaan agama, budaya, etnik serta warna kulit bukanlah sebab bagi menghalang kehidupan bersatu padu dan harmoni. Namun demikian, sifat kebebasan yang terbuka serta isu pluralisme agama yang menyatakan bahawa semua agama adalah sama menyebabkan banyak umat Islam mengikutinya dan bekerjasama dengan umat lain sama ada dalam urusan keagamaan, ibadah serta sosial. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan menghasilkan satu pemahaman yang sebenar mengenai batas-batas toleransi antara umat beragama dari sudut pandangan syariat Islam seterusnya dijadikan sebagai landasan dalam membahaskan kedudukan toleransi beragama di Malaysia merujuk kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Metode perpustakaan dan penelitian akan digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dan kemudiannya dianalisis menggunakan metode induktif bagi mendapatkan satu kesimpulan mengenai batas-batas toleransi antara umat beragama menurut perspektif syarak. Hasil kajian mendapati syariat Islam menggariskan batas-batas tertentu berkaitan toleransi antara umat beragama merangkumi tiga aspek utama iaitu bidang akidah, ibadah serta kemasyarakatan. Toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia adalah dengan bersandarkan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu umat Islam dan penganut-penganut agama lain bebas untuk mengikut dan mengamalkan ajaran agamanya

masing-masing dengan tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam.

Kata Kunci: *Toleransi, Masyarakat, Majmuk*

Abstract: *Islam upholds the values of tolerance and unity among mankind. The harmony of religious life can only be established when there is tolerance from all parties. Differences in religion, culture, ethnicity and skin colour are not reasons to prevent a united and harmonious life. However, the nature of open freedom and the issue of religious pluralism which states that all religions are equal cause many Muslims to follow it and cooperate with other people whether in religious, worship or social matters. This study was conducted with the aim of producing a true understanding of the limits of tolerance between religious people from the point of view of Islamic Sharia and then used as a basis for debating the position of religious tolerance in Malaysia referring to Article 11 of the Federal Constitution of Malaysia. Library and research methods will be used to collect relevant information and then analysed using inductive methods to obtain a conclusion about the limits of tolerance between religious people according to the perspective of syarak. The results of the study found that Islamic Shariah outlines certain limits related to tolerance between religious people including three main aspects, namely the field of faith, worship and community. Religious tolerance practiced in Malaysia is based on Article 11(1) of the Federal Constitution, which means that Muslims and followers of other religions are free to follow and practice their respective religious teachings subject to the condition that they cannot carry out any form of spreading where are the religious teachings towards Muslims.*

Keywords: *Tolerance, Society, Plural*

Pengenalan

Sebagai makhluk sosial, fitrah manusia menghajatkan rukun berdamping yang terjalin dengan rasa penuh persahabatan, kekeluargaan, bertimbang rasa serta hormat menghormati di antara satu sama lain tanpa ada permusuhan. Seseorang manusia tidak mungkin dapat hidup menyendiri ataupun keseorangan tanpa memerlukan bantuan tenaga ataupun pendapat daripada orang lain walaupun memiliki kemampuan yang munasabah. Sebagai manusia yang banyak memiliki kekurangan, maka manusia tidak terlepas dari sifat rakus, iri hati, hasad dengki, sombong, berkuasa sehingga merasakan dirinya tidak dapat disaingi oleh orang lain. Kecenderungan ini menyebabkan manusia merasakan dirinya tidak memiliki kelemahan dan kekurangan sehingga membawa kepada konflik dan perpecahan. Perbahasan mengenai toleransi, khasnya toleransi beragama semakin penting dibincangkan sebagai kesan dari pelbagai peristiwa yang berlaku di bumi ini dalam perkembangan sejarah manusia dari dulu hingga sekarang. Perbahasan ini semakin relevan bagi umat Islam mengingatkan banyak tragedi yang menimpa umat Islam sama ada secara langsung mahupun tidak langsung baik di negara-negara yang menyebut dirinya sebagai liberal mahupun demokrat.

Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum yang mempunyai budaya, agama, bahasa dan adat resamnya yang tersendiri. Walaupun kaum bergandingan ini berganding bahu di bawah satu sistem politik yang sama namun kehidupan mereka adalah berasingan. Interaksi dalam kalangan mereka juga kurang dan hubungan antara mereka hanya terbatas kepada perkara-perkara tertentu. Oleh hal demikian, soal perpaduan dan

toleransi antara kaum adalah merupakan elemen penting dalam menzahirkan landskap kestabilan politik dan seterusnya menjadi prasyarat utama dalam mewujudkan hubungan harmonis di kalangan masyarakat perbagai kaum.

Sejarah telah mencatatkan peristiwa permuafakatan politik di kalangan barisan pemimpin pelbagai kaum di ambang kemerdekaan bersatu dan berpadu hati dalam merencanakan tarikh keramat 31 Ogos 1957 iaitu mengembalikan kedaulatan tanah air dari belunggu penjajahan British. Sejak merdeka, Malaysia telah membangun dengan begitu pesat dan dipandang sebagai sebuah negara maju dan membangun. Kejayaan ini adalah merupakan hasil usaha sama rakyat Malaysia yang majmuk. Malaysia juga dilihat sebagai sebuah negara yang aman harmoni walaupun rakyatnya menganuti agama dan kepercayaan serta mengamalkan budaya yang berbeza antara satu sama lain.

Namun, kemajmukan masyarakat Malaysia, bukanlah sentiasa menyumbang ke arah kebaikan sahaja. Akan tetapi ia juga kadang kala akan menyumbang kepada berlakunya masalah antara kaum di Malaysia. Misalnya, Tragedi 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur merupakan sejarah hitam rusuhan antara kaum Cina dan Melayu di Malaysia yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda. Tragedi ini ternyata memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa perbezaan sosial dan ekonomi memang wujud dalam kalangan rakyat dan menjadi masalah utama rakyat pada waktu itu hingga sekarang.

Selain itu, peristiwa lain yang menjejaskan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia adalah berlakunya insiden agama berkaitan pembinaan rumah ibadat di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada tahun 1998, Menurut Mohd Ali Bin Saripab (2000), Tragedi ini berlaku hasil daripada rendahnya kesedaran sensitiviti agama di kalangan masyarakat serta peraturan yang digubal tidak berkesan dan gagal membendung kegairahan membina rumah ibadat tanpa mengambil kira keperluan dan mengetepikan peraturan. Selain itu, hal ini juga daripada sikap kalangan rakyat yang tidak menghormati undang-undang serta sikap buruk sangka dan tidak menghormati amalan sesebuah agama. Seterusnya, pada 4 Mac 2001, berlaku lagi peristiwa rusuhan antara kaum di kampung Medan yang telah mengakibatkan kematian dan pergaduhan yang besar diantara kaum Melayu dan India di kawasan terbabit. Tragedi ini juga sedikit sebanyak telah menjejaskan hubungan antara kaum di Malaysia.

Selain itu, jika diperhatikan dewasa ini, timbulnya pelbagai isu atau kes berkaitan hubungan antara kaum dari sudut keagamaan yang mana ianya dilihat mencabar perlembagaan Malaysia yang telah sekian lama menjadi nadi perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia. Misalnya kes Siti Fatimah Tan Abdullah Iwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan kes Lina Joy Iwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain yang menimbulkan suasana kurang selesa di antara masyarakat Muslim dan non-Muslim di Malaysia. Menurut kassim Thukiman hamidah pula antara salah satu tujuan utama pembentukan perlembagaan dalam sesebuah negara ialah Untuk menjamin keamanan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara bangsa. Pertikaian suatu kaum terhadap keistimewaan kaum lain dari sudut undang-undang dan ini seolah-olah mencabar kedaulatan undang-undang negara dan mencabar kontrak sosial yang telah ditandatangani bersama sewaktu kemerdekaan dulu.

Berdasarkan kepada masalah-masalah atau peristiwa tersebut, maka terbukti bahawa Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk masih tidak terlepas daripada mengalami masalah hubungan antara kaum dan agama. Hal demikian disokong oleh Khadijah Mohd Khambali@Hambali (2008) yang berpendapat bahawa realitinya, amalan toleransi beragama di

Malaysia masih lagi berada pada tahap yang ‘kabur’. Beberapa faktor luaran dan dalaman antara penyebab kepada kekenduran amalan tersebut pada masa kini. Umat Islam terutamanya dan masyarakat Malaysia keseluruhannya patut menyedari akan kelemahan-kelemahan tersebut dan mengambil langkah segera dengan bijaksana bagi memastikan keluhuran perlembagaan dan toleransi beragama di negara ini akan terus kekal terpelihara.

Objektif Kajian

Kajian dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti batas-batas toleransi antara umat beragama menurut perspektif syarak dan artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kualitatif. Proses pengumpulan data diperolehi menggunakan metode perpustakaan dan penelitian untuk mengumpulkan maklumat berkaitan. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan metode induktif bagi mendapatkan satu kesimpulan mengenai batas-batas toleransi antara umat beragama menurut perspektif syarak dan artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Sorotan Literatur

Kajian berkaitan toleransi beragama telah banyak dibahaskan oleh para penyelidik. Antaranya Rosmawati bin Ali @ Mat Zin (1992) dan Zaleha binti Sulong (1996) mengupas tentang toleransi di Malaysia dengan meyelusuri sejarah berpandukan ajaran Islam. Kajian Mohamad Zaidi, Nur Hafilah dan Bharuiddin (2006) pula menghuraikan asas-asas toleransi dalam Islam iaitu teguh pada prinsip dan sikap terhadap kepercayaan, toleransi terhadap non-muslim iaitu tidak memaksa, tidak mencaci agama lain, melakukan dialog antara agama dengan cara yang baik serta sikap dalam muamalah kehidupan seharian. Manakala Mohd Nidzam Abd. Kadir (2009) mengupas tentang persoalan interaksi sosial antara Muslim dan non-Muslim dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Seterusnya, Mohd Kamil dan Mohd Fauzi (2006) pula mengemukakan asas pemikiran al-Qaradhawi tentang isu toleransi antara agama di Malaysia. Manakala kajian Mohd Rafiq (2000) pula mendapati ajaran Islam dan ajaran Kristian menganjurkan sikap toleransi dalam kalangan penganutnya dan penganut agama lain.

Kajian Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman, dan Suaibah (2009) dan Mohd Suhaily bin Rosdi (2001) mendapati peruntukan Enakmen Pentadbiran Islam Negeri-negeri berhubung kebebasan beragama serta Perlembagaan Malaysia yang memberi kebebasan kepada seseorang untuk menentukan agama yang dianuti, adalah selari dengan tuntutan Islam. Manakala Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled (2008) pula membahaskan tentang toleransi berdasarkan artikel 11 Perlembagaan Persekutuan dan mendapati kesedaran amalan toleransi beragama di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang ‘kabur’ serta memerlukan langkah segera dengan bijaksana bagi memastikan keluhuran perlembagaan dan toleransi beragama terus dipelihara. Manakala hasil kajian Rafidah Binti Ahmad, Noraini Binti Luchin & Johan Severinus Tati (2021) mendapati toleransi agama dan budaya adalah tinggi dalam masyarakat majmuk di Sabah dan keragaman budaya dan amalan oleh masyarakat tidak menggugat toleransi agama dalam perspektif Islam. Hal demikian adalah selari dengan kajian Mohd Afzanizzam & Mohd Azmir (2023) mendapati bahawa toleransi mampu menjadi mekanisme yang mengikat antara individu dan kumpulan di dalam masyarakat serta terdapat keperluan supaya sikap toleransi dipupuk dan dinormalisasikan dalam masyarakat secara berterusan.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, maka pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian berkaitan Toleransi Antara Umat Beragama. Namun, apa yang membezakan di antara kajian pengkaji ini dengan kajian-kajian lepas di atas adalah kajian ini tertumpu kepada Toleransi antara umat beragama menurut perspektif syarak dan perlembagaan persekutuan. Dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti berkaitan toleransi menurut Islam dan kemudiannya melihat kepada peruntukan artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia berkaitan toleransi antara agama.

Terminologi Toleransi

Toleransi menurut kamus Dewan pula merujuk kepada sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza dari pendapat sendiri (Hajah Noresah bt. Baharom, 1994). Sementara dalam bahasa Arab pula merujuk kepada perkataan ‘tasamuh’ atau ‘ihtimal’ bermaksud sikap membiarkan dan lapang dada. Manakala dari segi istilah pula, menurut Umar Hasyim, toleransi diertikan sebagai pemberian kebebasan kepada sesama manusia atau sesama warga masyarakat untuk mengatur hidup dan nasib masing-masing selama mana tidak melanggar syarat-syarat wujudnya ketertiban dan pendamaian dalam Masyarakat (Muhammad Nasir, 1983).

Toleransi Beragama Menurut Perspektif Syarak

Perbincangan berkaitan toleransi antara umat beragama dapat dibahagikan kepada beberapa bidang perbincangan. Dari sudut bidang akidah, Islam telah menetapkan prinsip-prinsip kebebasan sama ada kebebasan beriktikad, berfikir, berbicara dan mengemukakan pendapat. Menurut Sayid Sabiq (1942), antara pelaksanaan hak kebebasan beragama dalam Islam ialah tidak memaksa seseorang meninggalkan agamanya atau memaksanya menganut akidah tertentu, gereja-gereja mereka tidak boleh dirobohkan dan salib-salib mereka tidak boleh dimusnahkan dan Islam melindungi hak non-Muslim dan menghormati keperibadian mereka dengan memberikan kebebasan berdebat dan bermujadalah dalam batas-batas pemikiran dan menurut cara-cara sopan, tidak kasar dan tidak pula memaksa. Dari segi unsur kebebasan beragama adalah terdiri daripada tiga unsur iaitu pemikiran bebas dan tidak terikat dengan kefanatikan kebangsaan, taqlid atau nafsu yang biasanya bermaharajalela atas nama agama, larangan memujuk atau memaksa untuk menarik kepercayaan (Imam al-Munawwir, 1984).

Manakala dari sudut peringkat pula, menurut Yusuf al-Qaradhawi (2002) secara umumnya terdapat tiga peringkat toleransi dalam Islam antara Muslim dan non-Muslim. Peringkat paling rendah iaitu membiarkan pihak yang berlainan agama bebas dalam agama dan akidahnya tetapi tidak dibenarkan mengadakan upacara keagamaan yang diwajibkan oleh akidah mereka. Serta tidak mengizinkan mereka meninggalkan apa yang mereka anggap haram keatas mereka. Toleransi peringkat pertengahan pula ialah membiarkan mereka menganut apa sahaja fahaman yang diinginkan dan tidak memaksa mereka meninggalkan apa yang dipandang sebagai wajib atau melakukan apa yang dipandang sebagai haram oleh agama mereka. Misalnya, orang Yahudi beriktikad bahawa haram bekerja pada hari Sabtu. Maka dia tidak diseruh bekerja pada hari Sabtu kerana akan merasakan bahawa dia telah menyalahi agamanya. Peringkat toleransi paling tinggi pula adalah membiarkan mereka melakukan apa sahaja yang diiktikad sebagai halal oleh agama mereka, walaupun bertentangan dengan agama Islam. Misalnya, minum arak dan makan daging babi dibolehkan bagi penganut Kristian. Dalam konteks penganut agama Islam pula tidak boleh menganggap bahawa kebebasan beragama dalam Islam bermaksud mereka boleh menukar agama Islam dengan agama lain (Suzana Ismail, 2007). Ini kerana sekiranya demikian telah dikira murtad iaitu satu jenayah besar dengan syirik kepada Allah Taala dan hendaklah dihukum bunuh. Agama Islam tidak memaksa non-Muslim untuk memeluk agama Islam,

tetapi apabila mereka telah memeluk agama Islam, maka dengan sendirinya mereka bertanggungjawab menjaga kehormatan agama Islam (Saleh Ibrahim, 1998).

Toleransi dalam Bidang Ibadah pula meliputi larangan penganutnya dari menghadiri atau mengikuti upacara keagamaan yang mengandungi unsur akidah dan ibadah dari agama lain. Contohnya ialah mengikuti puji-pujian keagamaan pada peringatan Natal atau mengikuti persembahan 'sesajan' pada peringatan Wesak. Sebaliknya pula, Islam tidak melarang penganutnya menghadiri atau mengikuti upacara keagamaan yang hanya mengandungi unsur perayaan, hiburan atau kegiatan lain. Misalnya, seorang Muslim menghadiri upacara kemasyarakatan seperti hari kemerdekaan dan sebagainya (Masjuk Zuhdi, 1998). Demikian juga upacara keagamaan yang diselenggara oleh umat Islam sama ada di masjid ataupun di luarnya pula hanyalah untuk umat Islam. Namun, Islam tidak melarang umat beragama lain menyaksikan dan turut menghidirinya, asalkan mereka bersikap diam dan tidak mengganggu upacara keagamaan tersebut. Manakala, berkaitan amalan ibadah non-Muslim pula, Islam memberikan kebebasan kepada non-Muslim menerapkan peraturan agamanya dalam urusan perkahwinan, talaq, nafkah dan lain-lain. Mereka bebas melaksanakannya tanpa batas atau ikatan-ikatan tertentu.

Manakala, toleransi dalam bidang kemasyarakatan pula perlu memiliki dua sikap utama iaitu saling menghormati pendapat orang lain serta menghormati status sosial orang lain. Islam menggariskan bahawa dalam kehidupan bersosial, setiap ahli masyarakat mestilah menghormati perbezaan fikiran, pendapat serta keyakinan individu lain dengan menghormati kebebasan berfikir dan tidak memaksa pihak lain menerima pendapatnya. Selain itu juga, Islam menganjurkan supaya tidak meninggikan suara dan berkata-kata dengan lemah-lembut serta menghindari segala bentuk penghinaan dan celaan (Ramli Awang, 2008). Disamping itu juga, Islam menganjurkan aspek penyatuan ummah, kasih-sayang dan kemesraan serta mengeratkan tali persaudaraan sama ada sesama muslim mahupun non-muslim. Atas dasar ini, maka semua manusia tanpa mengira warna kulit, bangsa tau agama berhak untuk berhimpun dibawah perlindungan sistem sosialnya. Bagi menjaga keharmonian dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai status sosial, maka jalinan tersebut hendaklah didasarkan kepada ihsan. Antara kaedah yang digariskan dalam syariat berkaitan persaudaraan antara individu bagi menjaga keharmonian masyarakat ialah dengan menghalang pergaulan bebas antara individu yang berlainan jantina, menutup aurat, tidak dibenarkan hiburan dan perkara yang cenderung merangsang nafsu syahwat dan norma-norma moral, menghindari permusuhan, pertikaian sosial serta sifat asabiyyah (Mohd Abu Hanipah Ismail, 2000).

Toleransi dalam kehidupan bernegara pula adalah dengan tertegaknya sesebuah negara diatas prinsip-prinsip keadilan, persamaan serta kebebasan. Islam menekankan aspek keadilan secara menyeluruh tanpa mengira keturunan menurut kasta yang direka-reka atau warna kulit dan bangsa dengan memberikan hak kesamaan sebagai rakyat dalam negara Islam untuk mendapat keadilan walaupun mereka tidak menganut agama Islam. Orang bukan Islam turut dipelihara hak peribadi, harta benda dan maruahnya dalam perkara yang tidak menjejaskan kepentingan umat Islam dan penganutnya. Prinsip persamaan pula boleh diterjemahkan dengan tidak membezakan tanggungjawab dan hak-hak atau layanan kepada seseorang menurut kepelbagaian bangsa, keturunan, bahasa, warna kulit, pangkat dan sebagainya. Setiap manusia secara dasarnya sama taraf di dalam Islam (Mohd Izani Mohd Zain, 2005). Memperhambakan diri sesama manusia yang lain adalah tidak dibenarkan dalam Islam. Perbezaan agama dan status kerakyatan bukanlah faktor yang mengharuskan kezaliman, penindasan dan penafian hak-hak juga layanan baik dalam pemerintahan Islam. Manakala, prinsip kebebasan pula

merupakan suatu yang membezakan manusia dari yang lain dan akan membolehkan dia untuk melaksanakan tindakannya dan kata-katanya dengan kuasa dan pilihan tanpa paksaan dalam batasan yang ditentukan (Wahbah Al-Zuhaily, 2000). Antara prinsip-prinsip kebebasan dalam kehidupan bernegara adalah meliputi kebebasan diri, kebebasan berfikir, kebebasan beragama, kebebasan bersuara, kebebasan memiliki harta benda serta kebebasan berpolitik.

Toleransi Beragama Menurut Artikel 11, Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Perlembagaan merupakan suatu dokumen yang paling tinggi dalam pentadbiran sesebuah negara juga merupakan sumber utama untuk kefahaman serta pembinaan kenegaraan setiap warganegara. Setiap rakyat mesti akur dan menghormati intisari dan semangat perlembagaan. Pembentukan perlembagaan Malaysia adalah manifestasi kerjasama dan permufakatan dalam kalangan rakyat pelbagai bangsa (Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman & Suaibah, 2009)

Toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia selama ini adalah dengan bersandarkan kepada Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mana “tiap-tiap orang adalah berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya”. Manakala fasal (4) menyebutkan undang-undang boleh dibuat untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam. (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (1999), Perlembagaan Persekutuan (Mengandungi semua pindaan hingga 1 Januari 1999). Daripada peruntukan ini, sudah jelas bahawa umat Islam dan penganut-penganut agama lain bebas untuk mengikut dan mengamalkan ajaran agamanya masing-masing dengan tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam.

Soal kebebasan beragama tidak seharusnya diperbalahkan kerana masyarakat majmuk di Malaysia tidak pernah mengalami sebarang bentuk penindasan sama ada dari sudut perkauman mahupun keagamaan. Kedudukan agama Islam dan agama-agama lain telah diperjelaskan melalui Perlembagaan Persekutuan pada Artikel 3(1) yang memperuntukkan bahawa “Islam sebagai agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan” (Salleh Mohd. Yusof, 2004). Manakala di dalam Artikel 12(2) pula menyebut, tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan serta menyenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud tersebut. Namun ianya diberi penegasan sebagaimana yang terkandung di dalam artikel 12(3) yang menyatakan bahawa sesiapa sahaja tidak dibenarkan sama sekali untuk menuntut atau memaksa mana-mana individu mengikut ajaran agama tertentu atau mengikut mana-mana perayaan atau aktiviti yang dianjurkan oleh agama tertentu selain daripada agama anutannya (Ahmad F. Yousif, 1998).

Hak kebebasan beragama seperti mana yang diperuntukkan di dalam Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan telah sekian lama menjadi nadi perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia. Malah pengekal dan pembinaan rumah-rumah ibadat merupakan bukti bahawa hubungan antara masyarakat majmuk di Malaysia tetap terpelihara (Ahmad F. Yousif, 1998). Perihal ini seharusnya perlu dihargai, dipelihara dan dipertahankan bagi memastikan kelangsungan budaya toleransi dapat dihayati oleh generasi baru.

Kesimpulan

Islam merupakan satu cara hidup yang meliputi hubungan dengan Penciptanya dan juga hubungan sesama manusia sama ada sesama Muslim mahupun berlainan agama. Perbezaan agama, budaya, warna kulit serta etnik bukanlah menjadi sebab bagi menghalang kehidupan bersatu padu dan harmoni. Islam membenarkan penganutnya bertoleransi dan bermuamalah dengan mereka yang berlainan fahaman keagamaan dan bersama-sama membina masyarakat yang aman, kuat dan maju. Adapun asas utama untuk membentuk masyarakat yang maju dan seimbang adalah melalui sikap toleransi dalam segenap aspek kehidupan sama ada dalam bidang akidah, ibadah, kekeluargaan, kemasyarakatan dan juga kehidupan bernegara sebagaimana yang telah digariskan oleh syariat. Hasil daripada gabungan tersebut maka lahirlah suatu masyarakat yang saling hormat menghormati serta saling bantu membantu tanpa ada permusuhan.

Manakala jika dilihat kepada realiti toleransi antara umat beragama di Malaysia pada masa kini, rakyatnya telah melalui beberapa fasa perubahan kesan daripada pertembungan ketamadunan dan agama pada suatu ketika dahulu. Namun, boleh dikatakan bahawa amalan toleransi beragama di Malaysia tidak berlangsung dengan cara bersungguh oleh semua masyarakat dan etnik. Pengabaian terhadap toleransi beragama ini mampu mendatangkan bencana kepada masyarakat dan negara pada masa akan datang. Justeru itu, sewajarnya setiap rakyat Malaysia perlu sedar terhadap kepentingan sikap toleransi dan kerjasama serta berusaha mengekalkan toleransi, tolak-ansur dan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Manakala Perlembagaan Persekutuan telah sekian lama menjadi nadi perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia seharusnya perlu dihargai, dipelihara dan dipertahankan bagi memastikan kelangsungan budaya toleransi dapat dihayati oleh generasi baru.

Rujukan

- Abdul Ghafar Haji Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. 1998. Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, metod dan pengalaman. Malaysia: Percetakan Asni Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang. 2009. Bagaimana Islam Memerintah Negara. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdurrazaq Naufal. 1978. Al-Quran dan Masyarakat Moden. Jakarta : Mutiara.
- Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Anita Abd Rani, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Rashidi Abbas, Zurid & Mohd Daud. 2008. Institusi Islam. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Ahmad F. Yousif. 1998. Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience. Batu Caves: Thinker's Library
- Al-Qurtubi. 2004. Tafsir al-Qurtubi. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Hajah Noresah bt. Baharom. 1994. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fuad Muhammad Shibel, 1997, Kebudayaan Islam Menurut Tinjauan Toynbee. Jakarta: Bulan Bintang.
- Imam Munawwir. 1984. Sikap Islam Terhadap Kekerasan, Damai, Toleransi dan Solidaritas. Malaysia: Penerbit Pemanas Sdn. Bhd.
- Jaffary Awang, Muda @ Ismail Ab Rahman, Rafizah Muhammad @ Muhammad Noor, Arena Che Kassim, tengku Ghani Tengku Jusoh, Mohammad Khatim Hasan. 2007. Toleransi Beragama di Kalangan Pelajar IPTA: Kajian Kes di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak. Journal Majlis Islam Sarawak 1(1). Kuching: Melien Press Sdn.Bhd.

- Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman, dan Suaibah (2009), *Perlembagaan Malaysia Dalam Perspektif Hubungan Etnik dalam Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori Dan Praktik*.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2008. Mohd Herzali Mohd Haled, *Toleransi Beragama Dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Jurnal Usuluddin*.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (1999), *Perlembagaan Persekutuan (Mengandungi semua pindaan hingga 1 Januari 1999)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services
- Mansor Mohd Noor, Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Rusdi Omar. 2005. *Hubungan Etnik di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas*. Dlm. Roziyah Omar, Sivamurugan Pandian, *Malaysia: Isu-Isu Sosial Semasa*. Malaysia: Unit Penerbitan, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Mat Saad Abd. Rahman. 2008. *Isu-isu dalam Masyarakat Islam Semasa*. Malaysia: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Mohamad Afzanizzam Zahran & Mohd Azmir Mohd Nizah. 2023. *Normalisasi Elemen Toleransi Dalam Kalangan Orang Muda: Isu dan Cabaran*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-8 (PASAK8 2023) 10-11 Mei 2023 (e-ISSN: 2811-4051)
- Mohammad Nidzam Abd. Kadir. 2009. *Fiqh Berinteraksi dengan Non-Muslim: Kaedah Bergaul dengan Rakan, Jiran dan Keluarga Bukan Islam Tanpa Mengabaikan Syariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Mohamad Zaidi, Nur Hafilah dan Bharuiddin. 2006. *Asas Toleransi terhadap Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam, dalam Seminar Hubungan Antara Agama, Jil. 4, Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam*.
- Mohammad Atho Mudzahar. 1993. *Fatwa-fatwa Majlis Ulama' Indonesia: Sebuah Studi Tentang Pemikiran HukIslam di Indonesia (1975-1988)*. Siri XVII. Jakarta: Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS).
- Mohd Izani Mohd Zain. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Nasir. 1983. *Islam dan Kristien di Indonesia*. Jakarta: Media Dakwah.
- Mohamad Kamil Hj Ab. Majid dan Mohd Fauzi Hamat. 2006. *Bicara al-Qaradhawi Tentang Islam dan Hubungannya dengan Agama lain dalam konteks Pengharmonian Kehidupan Beragama di Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.
- Mohd Abu Hanipah Ismail. 2000. *Toleransi Umat Beragama (Kajian Maudhu'iy)*. Tesis Fakulti Usuluddin, Institut Agama Islam Ar-Raniry: Aceh
- Mohd Ali Bin Saripab (2000), *Pembinaan rumah Ibadat di Pulau Pinang: Satu kajian Mengenai Insiden Agama Di Kg. Rawa, Pulau Pinang, Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Nidzam Abd. Kadir. 2009. *Fiqh Berinteraksi dengan non-Muslim: Kaedah Bergaul dengan Rakan, Jiran dan Keluarga bukan islam Tanpa Mengabaikan Syariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd
- Moh. Rofiq. 2000. *Toleransi Kehidupan Beragama Di Indonesia: Pengalaman Umat Islam Dan Kristian*. Tesis Siswazah, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Suhaily bin Rosdi. 2001. *Kebebasan Beragama Menurut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan: Satu kajian Kes*. Kertas Projek, Jabatan Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Preston King. 1976. *Toleration*. Jakarta: Penerbit Publicita.
- Yusuf Qaradhawi. 2002. *Fatwa-fatwa Kontemporer*. Jilid 3. Jakarta: Gema Insani Press.

- Rafidah Binti Ahmad, Noraini Binti Luchin & Johan Severinus Tati. 2021. Toleransi Agama dan Budaya di Sabah dalam Perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Umum. Jurnal of General Studies* (2) 2021 ISSN: 2773-5060
- Ramli Awang. 2008. *Dialog antara Agama Dari Perspektif Al-Quran*. Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press
- Rosmawati bin Ali @ Mat Zin. 1992. *Asas-Asas Perpaduan Menurut Masyarakat Majmuk Menurut Al-Qur'an Dan Al-Sunnah: Kajian Dasar Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*
- Saleh Ibrahim. 1998. *Murtad di Malaysia: Satu kajian kes*. Disertasi Dr. Falsafah, Jabatan Syariah: UKM Bangi
- Salleh Mohd. Yusof. 2004. *Islam Hadhari: Perjuangan Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Islam Maju, Progresif dan Moderat*. Kuala Lumpur: *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 [2008] 81-92
- Sayid Sabiq. 1942. *Sumber kekuatan Islam*. Terj. Salim Bahreisy dan Said Bahreisy. Surabaya: PT Bina Ilmu Offset.
- Suzana Ismail. 2007. *Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam*, Tesis Prasiswa, jabatan Usuluddin, Bangi: UKM.
- Wahbah Al-Zuhaili, 2000, *Hak al-Hurriyyat Fi al-Alam*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zaleha binti Sulong. 1996. *Hak Asasi manusia Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian Mengenai Kebebasan beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan*. Kertas Projek Projek Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zuhdi. 1998. *Studi Islam*. Jilid III. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.